




**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**23 Januari 2024
11 Rejab 1445H**

| Utusan Malaysia | • |
|--------------------------|-----------------------------------|
| Berita Harian | • |
| Harian Metro | • |
| Kosmo | • |
| Sinar Harian | • Raih rezeki berlipat kali ganda |
| The Star | • |
| New Straits Time | • |
| Nanyang Siang Pau | • |
| Malaysia Gazette | • |
| Harakah | • |
| Malaysiakini | • |
| Bernamea | • |
| Borneo Post (KK) | • |
| Guan Ming Daily | • |
| Sabah Media | • |

| | | | | | |
|---------------------------|-------------------|----------------|-------------------|------------|--------|
| UTUSAN MALAYSIA | KOSMO! | THE STAR | NANYANG SIANG PAU | MUKA SURAT | TARIKH |
| BERITA HARIAN | SINAR HARIAN | THE SUN | ORIENTAL DAILY | | |
| HARIAN METRO | NEW STRAITS TIMES | THE MALAY MAIL | PELBAGAI | | |
| KATEGORI LIPUTAN: POSITIF | | NEGATIF | NEUTRAL | | |



Komuniti nelayan kawasan Pantai Changgong, Bachok saling membantu menolak bot turun ke laut.

Raih rezeki berlipat kali ganda

Nelayan turun ke laut pada cuaca baik dalam musim tengkujuh

Oleh ADILA SHARINNI WAHID BACHOK

Cuaca baik dalam tempoh musim tengkujuh yang belum berakhir memberi peluang kepada nelayan di daerah ini kembali ke laut menangkap ikan dan udang selepas 'beresah' panjang.

Bahkan, hasil tangkapan yang diperolehi nelayan selepas tiga bulan tidak ke laut itu mencecah 20 hingga 30 kilogram (kg) sehari berbanding hanya memperoleh satu hingga dua kg pada tempoh sebelum tengkujuh.

Seorang nelayan, Mahasan Mat Nor, 63, berkata, antara Oktober hingga awal Januari lalu, nelayan tidak berani turun ke laut kerana ombak di tengah laut mencecah ketinggian lebih 20 meter.

"Nelayan menangkap ikan di kawasan sejauh 24 kilometer (km) dari pantai dan ombaknya hampir menyamai ketinggian pokok kelapa 20 meter pada musim tengkujuh tetapi kini makin reda iaitu kurang daripada 10 meter tinggi.

"Apabila cuaca baik, kami kembali ke laut mencari rezeki selepas tidak mempunyai punca pendapatan langsung selama tiga bulan ini," katanya ketika ditemui pada Program *Community Policing* Ketua Polis Bachok bersama badan bukan kerajaan (NGO) Rakyat Dekat di Hati



Sebahagian tangkapan ikan selayang hasil nelayan turun ke laut selepas tiga bulan tidak dapat turun ke laut.



Hasil tangkapan udang meningkat dalam tempoh musim tengkujuh.



MAHASAN



MOHD FAZIL

dan Persatuan Nelayan Kawasan Pantai Changgong di sini, pada Ahad. Seorang lagi nelayan, Mohd Fazil Ismail, 33, berkata, dia akan turun ke laut secara berkumpulan untuk menangkap ikan bermula jam 7 pagi

menggunakan bot gantian kaca sepanjang 6.4 meter.

Katanya, cuaca tahun ini berbeza daripada kebiasaan yang dihadapi nelayan pada tahun-tahun sebelumnya dan berharap keadaan baik tersebut berterusan hingga musim tengkujuh seterusnya.

Sementara itu, Pengerusi Rakyat Dekat di Hati, Mohd Nasir Said berkata, pihaknya membantu para nelayan dengan meringankan beban mereka melalui sumbangan barangan makanan ketika musim tengkujuh.

Katanya, kira-kira 200 nelayan dibantu dengan nilai sumbangan berjumlah RM20,000.